

ANUGERAH PENA EMAS 2017
Sayembara Cerpen dan Puisi Kebangsaan

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

Dengan penyerahan borang pendaftaran, peserta bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan Syarat-syarat berikut:

1. KELAYAKAN

- 1.1 Sayembara ini terbuka kepada warganegara dan penduduk tetap Singapura. Tiada had umur yang ditetapkan.
- 1.2 Penulis tidak boleh menghantar karya solo yang telah diterbitkan dalam genre yang ingin disertai. Karya solo merujuk kepada hasil karya yang ditulis sepenuhnya oleh penulis itu sendiri dan diterbitkan, dijual atau diedarkan secara komersial oleh syarikat penerbitan Singapura atau antarabangsa. Karya penulis yang diterbitkan dalam bentuk jurnal atau antologi (sama ada secara dalam talian atau bercetak) tidak dianggap sebagai karya solo dan penulis masih layak untuk mengambil bahagian.
- 1.3 Pemenang hadiah pertama dalam Anugerah Pena Emas ('GPA') yang lalu tidak boleh menyertai kategori yang telah mereka juarai.
- 1.4 Kakitangan Majlis Seni Kebangsaan ("NAC") dan Arts House Ltd ("AHL") tidak layak untuk menyertai sayembara ini.
- 1.5 Penyertaan berganda daripada penulis yang sama adalah dibenarkan dengan syarat bahawa setiap karya mematuhi semua syarat dan peraturan yang dinyatakan, khususnya karya yang disertakan mestilah asli dan belum pernah diterbitkan.
- 1.6 Penyertaan boleh dibuat dalam bahasa Inggeris, Cina, Melayu, atau Tamil.
- 1.7 Penyertaan haruslah asli dan tidak pernah diterbitkan (sama ada secara dalam talian atau bercetak), diterima untuk penerbitan, atau disebarkan melalui media awam (contoh, internet, radio, suratkhbar atau jurnal). Ini termasuk karya yang telah disiarkan dalam jurnal atau antologi (sama ada secara dalam talian atau bercetak).
- 1.8 Penyertaan karya yang telah memenangi hadiah dalam sayembara tempatan atau luar negara tidak akan diterima. Penyertaan tersebut akan dibatalkan.
- 1.9 Karya yang disertakan dalam sayembara ini tidak boleh disertakan dalam pertandingan, penerbitan atau penyiaran lain secara serentak sehingga keputusan sayembara ini diumumkan.
- 1.10 Karya terjemahan atau karya yang ditulis bersama penulis lain tidak akan diterima.
- 1.11 Penyertaan yang dengan sengaja memberikan maklumat yang tidak tepat atau mengelirukan akan dibatalkan.

2. KEASLIAN

- 2.1 Peserta bertanggungjawab untuk memastikan semua penyertaan karya yang dihantar adalah Asli. "Asli" merujuk kepada karya baharu lagi kreatif, yang diilhamkan sepenuhnya oleh penulisnya (dalam kes ini, peserta) tanpa sumbangan atau pengaruh yang signifikan daripada pihak ketiga.
- 2.2 Sebarang penyertaan yang didapati bukan asli (yakni dicitak atau ditulis oleh individu lain selain daripada peserta) atau melanggar mana-mana syarat GPA akan dibatalkan. Peserta bersetuju untuk menanggung rugi dan melindungi NAC / Arts House Ltd daripada dan terhadap semua tuntutan, permintaan, kerugian, kerosakan, penalti, perbelanjaan dan liabiliti dalam apa jua bentuk secara langsung atau tidak langsung, yang timbul daripada penyertaan karya, atau daripada apa-apa pelanggaran kewajipan, kecuiaan atau salah laku

yang disengajakan di pihak mereka.

3. KATEGORI

3.1 Sayembara ini dibahagikan kepada kategori-kategori berikut dalam empat bahasa (Inggeris, Cina, Melayu dan Tamil):

- (i) Cerpen
- (ii) Puisi

3.2 Peserta boleh menulis mengenai sebarang subjek atau tema.

4. PANDUAN PENYERTAAN

4.1 Berdasarkan kategori yang ingin disertai, peserta boleh mengirimkan sebuah cerpen atau sebuah kumpulan puisi.

4.2 Keperluan Had Perkataan mengikut kategori:

| Kategori Genre | Had Perkataan* |
|----------------|--|
| Cerpen | Setiap penyertaan mesti mengandungi hanya SATU cerpen dengan maksimum 5000 perkataan (tiada bilangan minimum perkataan). |
| Puisi | Setiap penyertaan mesti mengandungi sekurang-kurangnya LIMA buah puisi dan maksimum LAPAN buah puisi. Tiada had perkataan dikenakan. |

**Judul dan tanda baca tidak termasuk dalam perkiraan perkataan. Penyertaan karya yang melebihi had perkataan akan dibatalkan.*

4.3 Semua manuskrip yang disertakan dalam sayembara ini perlu mengikut format berikut:

| | Format Penyertaan |
|-----|--|
| 1. | Manuskrip bahasa Inggeris dan Melayu mestilah ditaip dalam fon Arial, saiz fon 12 poin. |
| 2. | Manuskrip dalam bahasa Cina sebaik-baiknya hendaklah dikirimkan dalam stail Sim Sun, saiz fon 11 poin. |
| 3. | Manuskrip bahasa Inggeris, Melayu dan Cina mestilah yang bertaip. |
| 4. | Manuskrip Tamil mestilah ditaip menggunakan fon Unicode, sebaik-baiknya Latha, saiz fon 12 poin, atau ditulis dengan tulisan tangan yang mudah dibaca. |
| 5. | Semua manuskrip sebaik-baiknya hendaklah ditaip dengan langkau dua baris, dengan jidar berukuran satu inci. |
| 6. | Semua manuskrip sebaik-baiknya hendaklah dikirimkan dengan sebelah halaman bertaip; dicetak pada sebelah halaman menggunakan kertas bersaiz A4. |
| 7. | Judul karya dan nombor kad pengenalan peserta mestilah dinyatakan di sudut kanan bahagian atas setiap muka surat manuskrip. |
| 8. | Tiada nama, alamat atau tanda-tanda pengenalan selain daripada judul dan nombor kad pengenalan harus dinyatakan dalam manuskrip. |
| 9. | Manuskrip cerpen harus menyatakan jumlah patah perkataan di akhir manuskrip. |
| 10. | Setiap muka surat manuskrip mestilah bernombor. Penyertaan manuskrip yang tidak lengkap kesemua muka suratnya akan dibatalkan. |

5. PROSEDUR PENYERTAAN

- 5.1 Setiap penyertaan hendaklah dibuat dan dikirimkan dalam borang penyertaan rasmi. Hanya salinan borang penyertaan rasmi akan diterima. Penghantaran borang penyertaan secara peribadi hendaklah dilakukan selewat-lewatnya pada Jumaat 14 Julai 2017, 7:00 malam di The Arts House. Penyertaan dalam talian mesti diterima pada 14 Julai 2017, 11:59 malam.
- 5.2 Bagi penyertaan secara peribadi, perkara-perkara berikut hendaklah dilampirkan bersama-sama:
- Borang penyertaan yang diisi dengan lengkap dan ditandatangani;
 - Biografi penulis yang tidak melebihi 100 patah perkataan dalam bahasa Inggeris, sebaik-baiknya ditaip dalam fon Arial, saiz 12 poin dengan langkau dua baris dan dicetak pada sebelah halaman kertas bersaiz A4;
 - Empat salinan bercetak manuskrip; dan
 - Yuran pendaftaran atau resit e-pembayaran.
- 5.3 Bagi penyertaan melalui portal, perkara-perkara berikut hendaklah dihantar dalam SATU fail pdf yang tidak melebihi 10MB
- Borang penyertaan yang diisi dengan lengkap dan ditandatangani;
 - Biografi penulis yang tidak melebihi 100 patah perkataan dalam bahasa Inggeris, sebaik-baiknya ditaip dalam fon Arial, saiz 12 poin dengan langkau dua baris dan ditaip pada sebelah halaman kertas bersaiz A4;
 - Satu salinan manuskrip; dan
 - Resit e-pembayaran.
- 5.4 Bayaran yuran pendaftaran sebanyak \$16 (termasuk GST) perlu dikemukakan bersama-sama dengan setiap penyertaan. Yuran pendaftaran tidak akan dikembalikan dan tidak boleh dipindah milik. Yuran pendaftaran pertandingan sebanyak \$16 akan dikecualikan bagi penyertaan yang dihantar melalui bengkel penulisan kreatif tertentu yang dianjurkan sempena pertandingan. Pembayaran yuran pendaftaran hendaklah dibuat melalui salah satu daripada senarai berikut (hanya bayaran dalam mata wang Singapura akan diterima):
- Melalui cek atas nama "**ARTS HOUSE LTD**";
 - Pembayaran secara peribadi hendaklah dibuat di The Arts House Box Office, Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum) antara 10 pagi -8 malam;
 - Pembayaran boleh dibuat secara dalam talian di (<http://bit.ly/gpa2017>).
- 5.5 Penyertaan berganda daripada pengarang yang sama, dalam kategori yang sama atau berbeza, masing-masing akan dianggap sebagai penyertaan yang berasingan dan setiap penyertaan akan dikenakan yuran pendaftaran.
- 5.6 Penyertaan yang lewat, tidak dapat dibaca atau tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan dan rayuan mengenai penyertaan yang ditolak tidak akan diterima.
- 5.7 Manuskrip yang dikirimkan tidak akan dikembalikan kepada peserta. Peserta dinasihatkan untuk menyimpan salinan manuskrip mereka. NAC atau AHL tidak bertanggungjawab atas sebarang manuskrip yang hilang atau rosak ketika dalam penghantaran.
- 5.8 Penyertaan hendaklah dihantar dalam sampul surat kepada:

"2017 Golden Point Award – Short Story" atau

"2017 Golden Point Award – Poetry"

The Arts House

1 Old Parliament Lane

Singapura 179429

6. PENILAIAN

- 6.1 Suatu panel yang terdiri daripada dua orang pengadil dari Singapura dan seorang lagi pengadil antarabangsa akan mengadili setiap kategori genre dan bahasa.
- 6.2 Butir-butir peribadi peserta akan kekal sulit dan akan hanya diketahui oleh NAC semasa pertandingan. Walau bagaimanapun, nama-nama dan butir-butir hubungan peserta boleh diberitahu kepada para penilai selepas pertandingan berakhir.
- 6.3 Panel pengadil mempunyai hak untuk memberikan hadiah, atau tidak memberikan sebarang hadiah, sebagaimana yang layak.
- 6.4 Keputusan panel pengadil adalah muktamad dan tiada perbincangan atau surat-menyurat akan diterima.

7. ANUGERAH

- 7.1 Hadiah-hadiah berikut akan diberikan kepada setiap bahasa (Inggeris, Cina, Melayu dan Tamil) untuk kategori Cerpen dan Puisi.

| | |
|----------------|--|
| Hadiah Pertama | : Wang tunai bernilai \$4,000, sijil, piala dan geran pengayaan bernilai \$6000. |
| Hadiah Kedua | : Wang tunai bernilai \$3,000 dan sijil. |
| Hadiah Ketiga | : Wang tunai bernilai \$2,000 dan sijil. |

- 7.2 Sebanyak tiga 'Hadiah Penghargaan' (hadiah wang tunai bernilai \$500) boleh diberikan bagi setiap kategori dalam setiap bahasa.
- 7.3 Sekiranya ada kedudukan seri, wang hadiah dan geran pengayaan (jika ada) bagi hadiah yang berkenaan dan hadiah yang berikutnya dalam urutan pemenang akan dibahagikan sama rata. Jika terdapat kedudukan seri bagi Hadiah ketiga, kedua-dua pemenang akan menerima hadiah seperti yang telah diumumkan.
- 7.4 Geran pengayaan bagi pemenang Hadiah Pertama, tertakluk kepada kelulusan NAC, hanya boleh digunakan untuk menampung tiket penerbangan, yuran kursus, makanan dan penginapan bagi penyertaan dalam seminar penulisan, bengkel dan residensi sama ada di Singapura atau di luar negara, penilaian manuskrip, perkhidmatan editorial atau program lain untuk membantu penulis dalam mengasah kemahiran penulisan mereka.
- 7.5 Geran pengayaan mesti digunakan dalam tempoh setahun bermula dari tarikh majlis penyampaian anugerah. Jika tidak digunakan dalam tempoh waktu yang ditetapkan, geran itu akan ditarik balik.
- 7.6 Geran pengayaan tidak boleh ditukar ganti dengan wang tunai dan tidak boleh dipindahkan kepada individu lain atau digunakan untuk acara/kegiatan yang terhad atau tiada nilai sasteranya.
- 7.7 Sekiranya tiada hadiah yang disebutkan di atas layak dianugerahkan, maka Hadiah Merit bernilai \$500 boleh diberikan.

8. KEPUTUSAN DAN MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH BAGI PARA PEMENANG

- 8.1 Majlis penyampaian anugerah akan diadakan pada 7 November 2017 bersempena dengan Pesta Penulis Singapura 2017 di The Arts House.
- 8.2 Semua pemenang hadiah dikehendaki menghadiri majlis penyampaian anugerah. Para pemenang akan dimaklumkan akan butiran-butirannya sebelum tarikh majlis tersebut.
- 8.3 Pemenang hadiah yang gagal menghadiri majlis penyampaian anugerah akan disifatkan sebagai telah

mengetepikan hadiah mereka, melainkan kelulusan telah diberikan oleh NAC untuk ketidakhadiran pemenang, atau wakil telah dilantik untuk menghadiri majlis tersebut bagi pihak pemenang.

- 8.4 Senarai para pemenang hadiah akan diumumkan di laman web NAC selepas majlis penyampaian anugerah.
- 8.5 Sekiranya terdapat sebarang pertikaian, keputusan NAC, atau panel pengadil yang bertindak bagi pihak NAC, adalah muktamad dan sebarang perbincangan atau surat-menyurat tidak akan dipertimbangkan.

9. HAK CIPTA/ ROYALTI

- 9.1 Semua hak cipta karya, termasuk hak untuk penerbitan Pertama, akan dipegang oleh penulis, kecuali dinyatakan sebaliknya. "Penerbitan Pertama" merujuk kepada penerbitan dan penjualan salinan pertama atau edisi (seperti yang ditentukan oleh NAC) apa-apa buku, terbitan berkala atau penerbitan dalam bentuk elektronik atau bercetak.
- 9.2 Dalam apa jua keadaan, berhubung dengan Penerbitan Pertama mana-mana karya yang menang, NAC berhak atas hak penolakan penerbitan pertama. Pemenang mesti memberitahu NAC segera sekiranya tawaran daripada mana-mana pihak berkaitan dengan (a) penerbitan atau (b) pengeluaran semula sama ada dalam media cetak atau sebaliknya. Jika NAC memilih untuk mengambil hak penerbitan Pertama, NAC hendaklah kemudiannya berhak untuk membuat suatu perjanjian penerbitan dengan mana-mana penerbit yang berwibawa untuk menerbitkan karya yang menang.
- 9.3 Walau apa pun, NAC hendaklah, jika memilih sedemikian, berhak untuk mengarkib dan mengumumkan karya-karya yang menang di laman web rasmi mereka (<http://www.nac.gov.sg>), tanpa bayaran.
- 9.4 Pada bila-bila masa apabila diterbitkan, pemenang mesti memaklumkan kepada NAC GPA dengan pernyataan, "[Tajuk puisi / cerita] oleh [Pengarang] adalah pemenang kedua / ketiga Anugerah Golden Point NAC 2017" dalam setiap salinan penerbitan itu. Pengiktirafan ini akan muncul di halaman notis hak cipta penerbitan, di samping penghargaannya lain dan nombor ISBN.
- 9.5 Pemenang bagi semua kategori dikehendaki, jika dijemput oleh NAC, untuk membaca karya-karya yang memenangi hadiah mereka di khalayak ramai, di televisyen, radio, dan / atau menghadiri temuramah yang berkaitan dengan pertandingan, tanpa apa-apa bayaran.
- 9.6 NAC berhak untuk merakamkan semua atau sebahagian daripada aktiviti yang berkaitan dengan sayembara ini untuk tujuan promosi dan siaran tanpa apa-apa bayaran kepada peserta. NAC memegang semua hak atas mana-mana bahan rakaman tersebut.

10. UMUM

- 10.1 NAC berhak meminda syarat dan peraturan sayembara ini.
- 10.2 Sekiranya berlaku sebarang pertikaian, Syarat-syarat ini akan ditadbirkan oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Singapura.

TARIKH PENTING BAGI GPA 2017

| <u>Tarikh</u> | <u>Acara</u> |
|------------------------------|---|
| 1 Mei | Penyertaan melalui portal dibuka |
| 2 Mei, 10.00 pagi | Penyertaan secara peribadi dibuka |
| 14 Julai, 7.00 petang | Penyertaan secara peribadi ditutup |
| 14 Julai, 11.59 malam | Penyertaan melalui portal ditutup |
| 7 November | Majlis penyampaian anugerah untuk para pemenang |